

Tiga prinsip majukan negara dipertahankan: PM

BH- 30/6/2007.

Rakyat manfaat perpaduan, nikmat ekonomi hasil muafakat BN

Oleh Ridzuan Yop

IPOH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan terus mempertahankan tiga prinsip utama yang menjadi teras kekuatan kerajaan Barisan Nasional (BN) iaitu perpaduan, kemajuan ekonomi dan perkongsian kuasa.

Perdana Menteri berkata, sejak hari pertama memegang teraju negara, perkara utama yang beliau pertingkatkan adalah untuk memastikan rakyat dapat hidup harmoni, menikmati kemakmuran dan berkongsi kuasa secara bijak dengan parti komponen dalam BN.

Beliau berkata, tanpa ketiga-tiga perkara itu, negara tidak boleh mencapai keamanan dan kemakmuran seperti yang dikecapi sejak mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu.

"Jika negara berada dalam keadaan di mana rakyatnya asyik bergaduh, berbalah semua pihak akan berada dalam kesusahan dan pelabur juga tidak mahu melabur... kita tidak akan benarkan perkara ini berlaku.

"Walaupun saya pemimpin Umno, saya juga Pengerusi BN dan Perdana Menteri yang mentadbir negara yang

penduduknya berbilang kaum," katanya berucap pada majlis sambutan ulang-tahun ke-100 Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (PCCCI), di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali; Presiden PCCCI, Datuk Lim Kok Cheong; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM), Tan Sri William Cheng

“Agenda utama sekarang untuk membesarkan kek ekonomi bagi membolehkan setiap rakyat menikmati peluang kemewahan lebih besar”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dan bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik.

Pada majlis itu, Abdullah turut merasmikan pameran perdagangan anjuran PCCCI yang disertai kira-kira 400 pengusaha meliputi pelbagai bidang perusahaan termasuk dari luar China, Thailand, Singapura, Indonesia, Myanmar, Vietnam dan Mauritius.

Abdullah berkata, agenda utama beliau sekarang adalah untuk membesarkan kek ekonomi bagi membolehkan setiap rakyat daripada pelbagai kaum dapat menikmati peluang kemewahan yang lebih besar daripada sebelumnya.

"Jika kek ekonomi kita kecil, mungkin ada yang mendapat terlalu sedikit dan ketika sama ada pula yang mendapat terlalu besar sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati antara pihak atau kaum tertentu di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak pernah membezakan pembangunan antara wilayah di negara ini dan sebab itu pelbagai perancangan dibuat termasuk wilayah pembangunan baru di Utara, Tengah, Selatan dan Timur Malaysia.

Mengenai perkongsian kuasa pula, katanya, formula BN memerintah negara sejak merdeka didapati berkesan dan berjaya memastikan wujudnya keharmonian, keadilan dan kemakmuran di kalangan rakyat.

Beliau berkata, berdasarkan prinsip demokrasi, BN tidak memerintah berdasarkan kepentingan majoriti tetapi tetap mengambil kira penduduk minoriti yang juga menjadi sebahagian penduduk di negara ini.

Sebagai contoh, katanya, dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Ijok, Selangor baru-baru ini, walaupun kawasan majoritinya adalah penduduk Melayu, atas permuafakatan BN kawasan itu, diberikan kepada calon MIC.

"Begitu juga ketika Umno menang banyak kerusi di Pulau Pinang pada pilihan raya umum 1991, Gerakan dan MCA tewas banyak kerusi, tetapi jawatan Ketua Menteri tetap diserahkan kepada Gerakan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, yang lebih penting bagi BN adalah parti dan bukan individu ketika memilih seseorang calon untuk memegang sesuatu jawatan atau bertanding di kawasan tertentu.